



NOTIS MAKLUMAN

PENERIMAAN ARAHAN PELANTIKAN PEGUAM [*LETTER OF INSTRUCTION (LI)*] BAGI PENGENDALIAN DOKUMENTASI KELULUSAN BAHRU PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA MELALUI *JURIS CREDIT LOAN MANAGEMENT SYSTEM (LMS)*

Merujuk kepada Notis Makluman Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bertarikh 31 Mei 2021 mengenai Penutupan Sementara Premis, Kaunter Pusat Dan Pusat Panggilan Utama Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam Selaras Dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Fasa Pertama, **mana-mana pelanggan yang telah diluluskan permohonan pembiayaan sebelum pelaksanaan atau selepas pelaksanaan ‘total lockdown’ boleh membuat pengesahan pra-penerimaan kelulusan secara atas talian.**

Arahan pelantikan peguam bagi pengendalian dokumentasi kelulusan bahru akan dihantar secara atas talian melalui Modul Juris Credit LMS kepada peguam yang telah dipilih oleh pelanggan. **Peguam berdaftar LPPSA boleh membuat pengesahan penerimaan pelantikan melalui *Letter of Instruction (LI) Issuance Stage* tanpa perlu menunggu tempoh pelaksanaan ‘total lockdown’ ditamatkan oleh pihak Kerajaan.**

Pengesahan penerimaan pelantikan perlu dilakukan segera oleh panel peguam yang dipilih oleh pelanggan bagi mengelakkan sistem secara automatik membuat pelantikan semula kepada peguam berdaftar LPPSA yang lain. **Sila AMBIL PERHATIAN, Modul Juris Credit LMS yang digunakan oleh pihak panel peguam LPPSA merupakan aplikasi berasaskan web yang mesra pengguna dan boleh diakses pada bila-bila masa termasuk melalui telefon bimbit pada pautan <https://lms-locsas.lppsa.gov.my/jconvey>.**

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

31 MEI 2021